



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

TATACARA PENJAGAAN KAD UNIVERSITI PELBAGAI GUNA (UMPC)

PUSAT ICT
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014

**TATACARA PENJAGAAN
KAD UNIVERSITI PELBAGAI GUNA (UMPC)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

1.0 TUJUAN

Tatacara ini bertujuan untuk menerangkan kaedah penjagaan atau langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil perhatian bagi mengurangkan risiko kerosakan pada UMPC dan memastikannya boleh digunakan dalam tempoh yang lama.

2.0 PANDUAN PENJAGAAN UMPC

UMPC diperbuat daripada bahan yang berkualiti tinggi dan tahan lasak. Namun begitu UMPC masih perlu diberi perhatian dan penjagaan yang rapi oleh staf dan pelajar bagi menjamin jangka hayat UMPC supaya ia boleh bertahan dalam tempoh yang maksimum. Berikut merupakan beberapa langkah penjagaan UMPC yang perlu diambil perhatian ;

- Simpan UMPC dalam sampul kad plastik yang bertutup dan gantung pada tali kad (*lanyard*);
- Jangan bengkokkan, lipat, ketip, potong, ubahsuai atau meletakkan benda yang berat di atas UMPC;
- Jauhkan UMPC daripada magnet dan komputer bagi mengelakkan medan magnet yang kuat;
- Jangan letakkan UMPC bersama dengan *key chain* atau duit syiling;
- Jangan calarkan cip pada UMPC;
- Jangan gores, ketuk, tebuk dan gunting UMPC;
- Jangan keluarkan cip kerana UMPC tidak berfungsi apabila cip dipisahkan dari UMPC;
- Elakkan UMPC daripada terkena air atau sebarang cecair seperti memegang UMPC dengan tangan yang basah;
- Jangan bersihkan UMPC terutamanya pada bahagian cip menggunakan bahan yang mengandungi alkohol, benzene, thinner atau bahan mudah terbakar;
- Jangan letakkan UMPC berhampiran dengan sumber yang panas, suhu yang tinggi atau dedahkan secara terus kepada bahan api;

- Elakkan meletak atau menyimpan UMPC di tempat yang terkena pancaran matahari yang kuat seperti pada *dashboard* atau dalam but kereta
- Jangan simpan UMPC di tempat yang lembap atau berhabuk;
- Letakkan UMPC dalam bekas yang bersesuaian atau bertutup supaya tidak bersentuhan dengan kad lain dan tidak merosakkan permukaan cip UMPC;
- Elakkan daripada menjalankan aktiviti yang boleh merosakkan cip UMPC; dan
- Jangan pinda atau ubahsuai gambar, maklumat, cip dan jalur magnetik pada UMPC

3.0 PENUTUP

UMPC merupakan kad pengenalan identiti bagi setiap individu sebagai staf atau pelajar di dalam kampus dan perlu berfungsi dengan baik sepanjang masa. Semoga pelajar dan staf akan dapat mengikut panduan yang diberikan bagi mengurangkan risiko kerosakan pada UMPC. UMPC juga akan dapat digunakan dalam tempoh yang lebih lama.